



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	16/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	TNB			

UM, 16 Ogos
2021_30

TNB, Elia meterai MoU dorong pertumbuhan RE, peralihan

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Elia Group SA/NV (Elia) untuk kerjasama strategik perkongsian amalan terbaik dan pengetahuan mendalam industri bagi mempercepat usaha TNB ke arah tenaga boleh baharu (RE) dan peralihan tenaga.

MoU dua tambah satu tahun yang dimeterai bersama satu daripada operator sistem penghantaran terbesar dan bereputasi tinggi di Eropah itu adalah yang kedua dengan Elia, selepas yang pertama pada September 2017 dan tamat pada September 2020.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din menandatangani memorandum itu bagi pihak TNB manakala Elia diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan-

nya, Chris Peeters.

Baharin berkata, MoU 2.0 ini dimeterai pada waktu yang amat penting selepas TNB melakukan penajaran semula pertengahan penggal bagi memastikan kumpulan sentiasa berada pada landasan yang betul untuk menghadapi perubahan pantas dari sudut alam sekitar dan reformasi industri bekalan elektrik negara.

Jelasnya, TNB akan melabur dalam jumlah yang besar dalam bidang RE dan menetapkan fokus kumpulan terhadap penjana rendah karbon, selaras dengan aspirasi

TNB untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa.

"TNB menerusi Bahagian Grid akan terus memberi keutamaan terhadap pelaburan dalam memodenkan grid kebangsaan agar ia menjadi grid masa hadapan, iaitu grid yang kekal berdaya harap, berdaya tahan terhadap gangguan, pintar dengan teknologi digital serta fleksibel untuk memenuhi keperluan peralihan tenaga negara.

"Untuk itu, TNB berharap untuk memanfaatkan kepakaran Elia sebagai satu daripada lima operator sistem penghantaran terbaik di Eropah dengan tahap daya harap 99.999 peratus," katanya.



**BAHARIN
DIN**